



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


31 JULAI 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **1,035 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **84,721 kes**. Kematian (9) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Tawau, dua (2) kes di Kota Kinabalu dan masing-masing satu (1) kes di Kota Belud, Kudat, Putatan dan Tuaran. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 485 menjadikan jumlah kumulatif 76,935 orang. Seramai 4,156 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 862 orang di hospital, 3,254 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 40 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 103 orang dan 29 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah dicatatkan

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 24 daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning dua (2) daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (1035) kes iaitu penurunan sebanyak (31) kes berbanding (1066) kes yang dicatatkan semalam (30 Julai 2021).
- b. Kes-kes baharu hari ini terus berada di atas paras seribu, iaitu sebanyak (1035) kes.
- c. Kota Kinabalu mencatat bilangan tertinggi iaitu (212) kes, diikuti oleh Tawau dengan (139) kes. Daerah-daerah lain yang merekodkan kes melebihi (30) kes ialah Sipitang (33) kes, Kinabatangan (33) kes, Beluran (35) kes, Papar (42) kes, Beaufort (45) kes, Keningau (49) kes, Sandakan (52) kes, Penampang (67) kes, Kota Marudu (70) kes, Telupid (71) kes dan Tuaran (72) kes.
- d. Saringan Kontak Rapat terus menyumbang peratusan tertinggi iaitu 48.02% atau (497) kes daripada jumlah kes keseluruhan pada hari ini. Saringan Kluster menyumbang kepada 18.45% atau (191) kes. Saringan Bergejala menyumbang kes kedua tertinggi hari ini iaitu (251) kes atau 24.02% daripada kumulatif harian. Ini satu petanda jelas bahawa virus COVID-19 sudah pun berada dalam komuniti dan jangkitan berlaku secara sporadik (tidak tahu siapa yang menjangkiti atau bagaimana boleh terjangkit).
- e. Sejumlah (115) kes hari ini merupakan OKT/Tahanan Kesalahan Imigresen, empat (4) kes banduan daripada Penjara Kota Kinabalu dan (111) kes daripada Depot Tahanan Imigresen Tawau (dimasukkan dalam kategori Saringan Bergejala).
- f. Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi penguatkuasaan akan meningkatkan pemantauan bagi memasti pematuhan semua SOP sambil meningkatkan keupayaan memberi vaksinasi kepada semua penduduk pada kadar yang lebih cepat.

- g. Sejumlah 76.52% daripada kes-kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Kategori 1, iaitu (380) kes adalah mereka yang tidak mengalami sebarang simptom dan Kategori 2 iaitu sebanyak (412) kes sekadar mengalami simptom ringan (mild). Kedua kategori pesakit ini tidak perlu dimasukkan di hospital untuk rawatan, sekadar ditempatkan di PKRC.
- h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (497) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	191	18.45%
2	Bergejala	251	24.25%
3	Kontak Rapat	497	48.02%
4	Bersasar	57	5.51%
5	Lain-lain	39	3.77%
JUMLAH		1035	100%

b. Daerah yang mencatatkan peningkatan kes positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (30 Julai 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 30/07/2021	Catatan Kes 31/07/2021	Bilangan Peningkatan Kes
1	Telupid	0	71	+71
2	Kota Marudu	5	70	+65
3	Papar	17	42	+25
4	Kinabatangan	9	33	+24
5	Lahad Datu	7	21	+14
6	Kunak	11	22	+11
7	Sandakan	42	52	+10
8	Nabawan	0	6	+6
9	Kota Kinabalu	206	212	+6
10	Pitas	0	5	+5
11	Semporna	3	5	+2
12	Tambunan	1	2	+1
JUMLAH		301	541	+240

c. Daerah yang mencatatkan penurunan kes positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (30 Julai 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 30/07/2021	Catatan Kes 31/07/2021	Bilangan Penurunan Kes
1	Beaufort	87	45	-42
2	Tawau	171	139	-32
3	Kalabakan	36	6	-30
4	Beluran	64	35	-29
5	Keningau	77	49	-28
6	Tenom	28	8	-20
7	Kota Belud	23	5	-18
8	Ranau	19	4	-15
9	Penampang	82	67	-15
10	Tongod	16	4	-12
11	Sipitang	43	33	-10
12	Tuaran	79	72	-7
13	Kudat	15	10	-5
14	Kuala Penyu	5	0	-5
15	Putatan	20	17	-3
JUMLAH		765	494	-271

d. Daerah yang mencatatkan Sifar (0) kes

Satu (1) daerah yang mencatatkan sifar (0) kes pada hari ini iaitu:

- Kuala Penyu

e. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu
	Saringan Kluster	Saringan Kontak Rapat	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan	
Kota Kinabalu	6	133	51	10	12	212
Tawau	1	12	123	0	3	139
Tuaran	0	43	13	11	5	72
Telupid	41	29	1	0	0	71
Kota Marudu	37	32	1	0	0	70
Penampang	9	30	21	0	7	67
Sandakan	3	22	11	15	1	52
Keningau	5	43	0	0	1	49
Beaufort	0	37	2	6	0	45
Papar	17	20	4	0	1	42
Beluran	34	0	1	0	0	35
Kinabatangan	28	5	0	0	0	33
Sipitang	2	14	3	13	1	33
Kunak	0	17	3	2	0	22
Lahad Datu	3	17	1	0	0	21
Putatan	0	6	9	0	2	17
Kudat	1	8	1	0	0	10
Tenom	0	8	0	0	0	8
Kalabakan	2	2	2	0	0	6
Nabawan	0	6	0	0	0	6
Kota Belud	1	3	1	0	0	5
Semporna	0	0	1	0	4	5
Pitas	0	5	0	0	0	5
Ranau	0	2	0	0	2	4
Tongod	1	1	2	0	0	4
Tambunan	0	2	0	0	0	2
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	191	497	251	57	39	1035

f. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Jalan Mat Salleh	1
	Kluster Industri Kolombong	1
	Kluster Tembok Kota Kinabalu	4
Sandakan	Kluster Jalan Utara 2	2
	Kluster Batu 3 Utara	1
Kalabakan	Kluster Agathis	2
Tongod	Kluster Jalan Corak	1
Penampang	Kluster Industri Kolombong	3
	Kluster Jalan Penampang	6
Sipitang	Kluster Kampung Melamam	2
Keningau	Kluster Gerbang Kauran	5
Papar	Kluster Angsana	1
	Kluster Industri Kolombong	2
	Kluster Jalan Mat Salleh	1
	Kluster Jalan Kebun Lama	13
Kinabatangan	Kluster Bukit Mas	5
	Kluster Pauh	12
	Kluster Sri Sandau	5
	Kluster Tinabau	6
Tawau	Kluster Batu Dua	1
Beluran	Kluster Sawit Lung	34
Kota Belud	Kluster Siasai Dundau	1
Telupid	Kluster Gambaron 2	41
Kudat	Kluster Jeti Kudat	1
Kota Marudu	Kluster Gunsapau	37
Lahad Datu	Kluster Jalan Tunku	3
JUMLAH		191

6

Terdapat **dua (2) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Gambaron Dua - Telupid** adalah kluster komuniti yang dipercayai menjangkiti dalam kalangan jemaah masjid seterusnya merebak kepada ahli keluarga. Kes indeks merupakan lelaki, 29, yang bergejala sejak 22 Julai 2021 sebelum disahkan positif (RTK-Ag grading 100%) di Klinik Kesihatan pada 23 Julai 2021. Berdasarkan siasatan, kes indeks mendapat jangkitan daripada seorang rakannya iaitu lelaki, dari Tawau yang disyaki menjadi kontak kes positif di Ladang FGV Tanah Mas, Telupid. Sepanjang tiga (3) hari bermula 15 Julai 2021 di Kg Gambaron 2, kes indeks bersama rakannya itu menunaikan solat di Masjid Pekan Telupid. Setakat hari ini, 95 individu telah disaring dan 53 daripadanya dikesan positif COVID-19 termasuk 41 kes baharu. Aktiviti siasatan dan kawalan masih diteruskan.
- ii **Kluster Jalan Corak - Tongod** menokok satu kes baharu hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes positif sebanyak 12 kes. Kes indeks bagi kluster kategori komuniti ini mula dikesan apabila suri rumah, 30, yang bergejala demam, batuk dan selesma disahkan positif COVID-19 di Pejabat Kesihatan Daerah Tongod pada 26 Julai 2021. Siasatan awal mendapati, kes indeks bersama 14 rakannya mula mengalami gejala serupa sejak menerima vaksin di Pusat Pemberian Vaksin Telupid pada 24 Julai 2021 dan di antara mereka masih menuggu keputusan ujian RT-PCR. Saringan kontak juga mendapati sembilan (9) lagi kes positif COVID-19 di sekitar kediaman kes indeks. Setakat hari ini, aktiviti saringan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan oleh pasukan siasatan untuk menilai sebarang jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada penduduk kampung yang berdekatan.

7

Jumlah kapasiti katil 5,863 unit

- Hospital 932 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,059 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 872 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 70.89%.

B BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 31 Julai 2021)
1	Kota Kinabalu	36
2	Sipitang	16
3	Penampang	16
4	Tawau	14
5	Tuaran	13
6	Beaufort	12
7	Keningau	9
8	Sandakan	9
9	Kudat	5
10	Papar	5
11	Kinabatangan	3
12	Ranau	3
13	Kota Belud	2
14	Kota Marudu	2
15	Putatan	2
16	Tenom	2
17	Lahad Datu	1
18	Tongod	1
19	Beluran	1
20	Kuala Penyu	1
21	Kunak	1
JUMLAH		154

**C KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 NEGERI SABAH MELIBATKAN TEMPATAN,
IMPORT DAN TAHANAN/BANDUAN**

- 1 Daripada (1,035) kes yang direkodkan hari ini, (916) kes adalah melibatkan warga tempatan Sabah, empat (4) kes adalah merupakan kes import dengan pecahan dua (2) dari Selangor, satu (1) dari Kelantan dan satu (1) dari Wilayah Persekutuan Labuan.
- 2 (115) kes yang direkodkan pada hari ini adalah merupakan tahanan/banduan dengan pecahan (111) kes adalah dari Depot Tahanan Tawau dan empat (4) kes adalah dari Penjara Kepayan.

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Lima (5) lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Lorong Kuala Laut Likas• Kampung Warisan• Kampung Darau, Menggatal• Kampung Rakyat Baru• Kuarters Pekerja Imbas Jaya, Jalan Kionsom	2 Ogos 2021	14 Ogos 2021
2.	Dua (2) lokaliti di daerah Beaufort, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Kampung Melulugus• Lorong 3, Kampung Klias Baru	2 Ogos 2021	15 Ogos 2021

E PELANJUTAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, PKPD akan **DILANJUTKAN** di lokaliti- lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Kampung Tinusa 2, Sandakan, Sabah	1 Ogos 2021	Dilanjutkan berkuatkuasa 2 Ogos – 15 Ogos 2021

F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Apartment Seri Maju, Kota Kinabalu, Sabah	19 Julai 2021	1 Ogos 2021
2.	Kampung Simpangan, Kota Marudu, Sabah	19 Julai 2021	1 Ogos 2021
3.	Dua (2) Lokaliti di Tawau, Sabah <ul style="list-style-type: none">• QL Farm Breeder, Jalan Stesen TV• Kuarters Pekerja Onika Kuari	19 Julai 2021	1 Ogos 2021
4.	Taman Zifa, Bingkul, Beaufort, Sabah	5 Julai 2021	1 Ogos 2021

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **31,114** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 752,541 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **4,211** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 333,677 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 12,824 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,163,689 (Mysejahtera 1,078,526: Laman Web 84,902: Talian Vaksinasi 261) bersamaan 42.2.%

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **366,418** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 193 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 47,143 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 123 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 67 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 42 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 19 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
 - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Lima (5) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - 13 Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
 - Satu (1) Orang : Premis Gagal Sediakan QR Kod / Buku Pendaftaran
 - Satu (1) Orang : Keluar Masuk Kawasan PKPD
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 84 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 39 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,488 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Dua (2) kompaun dikeluarkan oleh PBT pada hari ini. Kedua-dua Kompaun dikeluarkan oleh Majlis Daerah Sipitang atas kesalahan tidak memakai pelitup muka di tempat awam dan gagal membuat imbasan suhu sebelum memasuki premis perniagaan.

- iii Sebanyak tujuh (7) notis dikeluarkan. Tiga (3) notis dikeluarkan di daerah Keningau, tiga (3) notis dikeluarkan di daerah Lahad Datu dan satu (1) di daerah Kinabatangan.
 - iv Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 112 premis perniagaan dan 198 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 404 Premis Perniagaan melibatkan 174 anggota APM. Sebanyak 13 Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 85 anggota di 103 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 22 premis, melibatkan 12 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 200 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 118 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Kinabalu	96%
2	Kota Belud	96%
3	Kota Marudu	96%
4	Papar	96%
5	Semporna	96%
6	Tenom	96%
7	Beluran	96%
8	Kinabatangan	96%
9	Beaufort	96%
10	Kunak	96%
11	Penampang	95.5%
12	Sandakan	95.5%
13	Sipitang	95.5%
14	Keningau	95.5%
15	Lahad Datu	95%
16	Tawau	95%
17	Tuaran	95%
18	Ranau	95%
19	Kudat	94.5%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**